

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Tambahan
Sidang Akademik 1994/95

Mei/Jun 1995

JMS 312 - Sejarah Asia Tenggara Modern

Masa: [3 jam]

ARAHAN

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.
2. Jawab EMPAT soalan. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

1. Bincangkan sebab-sebabnya masyarakat bawah Tanah Besar Asia Tenggara mematuhi kewajipan-kewajipan mereka berdasarkan hubungan patron-klien pada zaman klasik. (25 markah)
2. Bandingkan asas kekuasaan politik di Tanah Besar Asia Tenggara pada zaman klasik dan zaman penjajahan. Sejauh manakah perubahan dalam lingkungan ini menyumbang kepada tercetusnya pemberontakan dalam kalangan petani? (25 markah)
3. Huraikan perubahan demografi yang dilahirkan oleh dasar penjajahan British serta kesannya terhadap hubungan perkauman di Burma pada zaman kolonial dan selepas kemerdekaan. (25 markah)
4. Persaingan antara kuasa-kuasa barat merupakan salah satu unsur yang mengakibatkan mereka berlumba-lumba untuk menjajahi negara-negara Asia Tenggara. Sejauh manakah kenyataan ini menjadi faktor utama yang menentukan bahawa Burma ditakluki oleh pihak British sementara Siam dapat mengekalkan kemerdekaannya? (25 markah)
5. Menurut Truong Buu Lam, "pencapaian yang luar biasa dalam Revolusi 1945 ialah bagi kali pertama dalam sejarah moden Vietnam orang biasa telah dijemput dan dilengkapkan untuk menyertai proses politik". Setujukah anda? Ulaskan. (25 markah)
6. Banyak kerajaan Tanah Besar Asia Tenggara yang muncul selepas kemerdekaan tertarik kepada sosialisme sebagai suatu sistem pemerintahan. Bincangkan tafsiran berlainan kepada konsep sosialisme yang dibayangkan dalam corak kerajaan Norodom Sihanouk, U Nu dan Ne Win. (25 markah)
7. Setujukah anda dengan pernyataan Whatt bahawa "pemerintahan beraja, menjelang penghujung Pemerintahan Kelima (Pemerintahan Chulalongkorn), mungkin lebih mutlak daripada pemerintahan-pemerintahan sediakala"? (25 markah)
8. Tokoh-tokoh politik Asia Tenggara seperti Sarit Thanarat dan Ne Win telah membubarkan parlimen dalam negara mereka masing-masing atas alasan bahawa sistem demokrasi barat tidak sesuai untuk keadaan tempatan. Setujukah anda dengan tanggapan mereka? Pada pandangan anda, apakah sebenarnya rintangan-rintangan kepada pengekalan sistem pemerintahan demokratik di Tanah Besar Asia Tenggara? (25 markah)

oooOooo